



GERAI jualan majalah Kumpulan Utusan yang dikunjungi pengunjung.



ORANG ramai melihat gerai pameran dan penyelidikan anak benih pokok di Bukit Ekspo UPM.



PENOLONG Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Hassan Mohd. Noor (dua dari kanan) bergambar bersama pemenang tempat pertama Zulfikri Khiri (tiga dari kanan), tempat kedua, Azlan Abd. Rahman (tiga dari kiri); dan tempat ketiga, Mohd. Zainudeen Abdul Hamid (dua dari kiri) pada majlis penyampaian hadiah Pertandingan Memancing Terbuka UPM.

Tarikan ekspo pertanian UPM

SEPANJANG majlis itu, UPM turut menganjurkan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen bagi memeriahkan acara sambutan konvokesyen itu yang diadakan di Bukit Ekspo, UPM bermula pada 20 hingga 26 Oktober lalu.

Ekspo yang bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam setiap hari itu menentang pameran dan aktiviti berteraskan pertanian seperti jualan hasil pertanian serta produk hiliran yang diusahakan UPM.

Komponen utama ekspo itu adalah pameran penyelidikan dan inovasi yang disertai fakulti dan institut di UPM selain menonjolkan aktiviti dan maklumat terkini tentang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Tema yang dipilih bagi penganjuran ekspo ini adalah 'Mengungguli Pertanian, Menggapai Reputasi Antarabangsa' kerana dianggap bersesuaian dengan misi dan visi UPM iaitu memperkasa bidang pertanian secara kolektif ke arah pembangunan negara.

Pelbagai acara berjaya menarik kehadiran pengunjung seperti pameran pendidikan pameran

PARA peserta yang menyertai Fun Run 5km anjuran Kumpulan Utusan.



fakulti, jualan hasil pertanian dan benih pokok, pameran dan jualan orkid, pameran haiwan ternakan, aktiviti berkayak dan rekreasi.

Sudut pameran pertanian turut mendedahkan kaedah terbaik bagi membolehkan masyarakat bandar melaksanakan aktiviti pertanian pada skala tertentu dan bersesuaian dengan lokasi kediaman.

Selain itu, terdapat klinik pertanian yang menunjukkan kaedah untuk pelbagai jenis cara menanam sayuran, bonsai, grow bag dan compost basket.

Tidak terkecuali, acara pertandingan larian Fun Run 5km sempena 40 tahun UPM, Cabaran Mini Explorace dan pertandingan mewarna yang dianjurkan oleh Kumpulan Utusan menjadi antara tumpuan pengunjung.

Gerai Kumpulan Utusan antara yang menjadi tumpuan pengunjung yang terdiri daripada empat buah gerai juga mendapat



PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang membuat karikatur di gerai Utusan Malaysia.

sambutan hangat dengan pelbagai jualan buku dan majalah yang menawarkan harga runtuh termasuk studio penghias wajah, karikatur dan cabutan bertuah.

Tidak ketinggalan karnival memancing yang berjaya menarik peminat memancing daripada seluruh negara.

Acara pentas yang menggegarkan Bukit Ekspo

merupakan pertandingan kugiran, persembahan tarian, nasyid, pertandingan koir, pertandingan nyanyian solo.

Pelbagai aktiviti lain turut diadakan seperti program khidmat masyarakat, ceramah kerjaya, senamrobik, bual bicara, aktiviti kerohanian dan pertunjukan seni mempertahankan diri.



PENOLONG Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Hassan Mohd. Noor (dua dari kiri) dan Ketua Penolong Pendaftar UPM, Fauzi Abd Karim (dua dari kiri) melancarkan Pertandingan Memancing Terbuka sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM ke-40.